

Ban baru siap **runtuh semula**

Penduduk mula bimbang, PPRT berhampiran dinaiki air

SABAK BERNAM – “Baru siap, tetapi runtuh semula,”. Itu antara rungutan penduduk di Kampung Sungai Tengah Utara, Sungai Air Tawar berikutan ban yang menjadi benteng penahan air runtuh hingga menimbulkan kebimbangan penduduk berhampiran.

Penyelaras Pas Dun Sungai Air Tawar, Ahmad Mustain Othman berkata, dalam tempoh dua bulan sahaja, ban itu sudah empat kali runtuh disebabkan struktur tanah yang ditambak di atas ban itu mudah mendar.

Menurutnya, runtuhannya ban itu mengakibatkan aliran air dari Sungai Bernam memasuki kawasan parit berhampiran menyebabkan dua kediaman Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) berhampiran dinaiki air.

“Sebanyak 15 PPRT yang tinggal berhampiran ban juga dikhuatiri terjejas jika masalah ini tidak ditangani dengan segera memandangkan dua dari rumah di kawasan rendah sudah ditakungi air,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Ahmad Mustain berkata, kemasukan air Sungai Bernam melepasi benteng itu sudah tentu mengundang rasa kurang sen-



Ahmad Mustain (kiri) dan penduduk setempat menunjukkan aliran air Sungai Bernam yang memasuki kawasan parit berhampiran ekoran ban penahan benteng itu pecah disebabkan strukturnya yang tidak kukuh.

ang pemilik tanaman dan haiwan ternakan kerana kawasan itu digenangi air setinggi kira-kira 0.3 meter.

“Terdapat haiwan ternakan penduduk terpaksa dipindahkan ke kawasan lebih se-

lamat kerana arus air dari Sungai Bernam yang memasuki kawasan ini mengalir dengan deras dan mengundang risiko bahaya,” katanya.

Katanya, keadaan bertambah teruk jika

air pasang dan hujan tanpa henti kerana aliran air dari ban itu akan bergerak melebihi dua kilometer hingga menimbulkan kebimbangan penduduk berhampiran.

“Dalam musim cuti sekolah hanya tinggal beberapa hari saja lagi, kita bimbang jika ada anak-anak kecil menjadikan kawasan ini tempat mereka bermain air yang secara tidak langsung boleh meragut nyawa,” katanya.

Justeru katanya, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) diminta supaya membuat perancangan jangka masa pendek dan panjang dalam menangani masalah itu agar ban yang dibina nanti lebih kukuh daripada sebelumnya.

“JPS seharusnya memantau projek yang dijalankan kontraktor terlibat bagi memastikan ketahanan benteng yang dibina itu nanti lebih kukuh dan tidak memberi ruang kepada laluan air untuk memasukinya,” katanya.

Sementara itu, tinjauan *Sinar Harian* semalam mendapati kerja membaiki pulih ban itu sedang giat dijalankan oleh kontraktor yang dilantik JPS bagi menyelesaikan masalah runtuhannya tersebut.